



09 SEP, 2025

## Elak kemalangan babit pesawit, pesawah



Harian Metro, Malaysia

**Parit:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) melancarkan Kempen Keselamatan Elektrik yang menyasarkan pesawit, pesawah dan orang awam bagi menangani isu kemalangan akibat renjataan elektrik di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, TNB mewujudkan inisiatif itu untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai cara selamat bekerja berhampiran tali elektrik, contohnya mengait kelapa sawit menggunakan galah panjang.

"Berdasarkan data yang

### TNB LANCAR KEMPEN KESELAMATAN ELEKTRIK

## Elak kemalangan babit pesawit, pesawah

dikumpulkan, sebanyak 81 peratus atau 84 kes kemalangan elektrik orang awam dan haiwan terkena pada 2021 hingga April lalu membitkitan infrastruktur TNB, khususnya di kawasan talian elektrik. Kebanyakan insiden berpunca daripada aktiviti orang awam berhampiran tali elektrik, contohnya mengait kelapa sawit menggunakan galah panjang.

"Talian TNB ini memang

ada yang merentasi kawasan ladang atau kebun dan keadaan ini memang sepatutnya tidak ada apa-apa masalah, cuma apabila kita bercakap soal risiko terdapat bahaya jika mereka (pesawit dan pesawah) tidak berhati-hati melintas di bawah talian elektrik ketika ingin bergerak dari satu kawasan ke satu kawasan," katanya yang ditemui selepas melancarkan kempen itu di Dewan Felcra Na-

saruddin Belia Bota, Perak. Mengambil kira keadaan berkenaan, beliau berkata, pihak TNB melihat terdapat keperluan mengadakan kempen itu di setiap negeri untuk memberi kefahaman kepada kumpulan sasaran mengenai risiko tali elektrik seterusnya mengurangkan jumlah kemalangan pada masa hadapan.

Turut hadir, Pengarah Negeri Felcra Berhad Perak, M Zaiful Anuar Zulkifli,

Pengarah Bahagian Pengembangan Pekebun Kecil dan Pensijilan Lembaga Minyak Sawit Malaysia Dr Mohd Hefni Rusly, Ketua Pegawai Kawal Selia dan Pengurusan Stakeholder TNB Datuk Shamsul Ahmad, Ketua Pegawai Kelestarian TNB Leo Pui Yong serta Pengarah Jabatan Perancangan dan Komunikasi Strategik Suruhanjaya Tenaga Rumaizi Abdul Halim.



AKMAL Nasrullah